

**BERITA ONLINE
MALAYSIA GAZETTE
TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

**RM20 JUTA DIPERLUKAN UNTUK BANGUN VAKSIN COVID-19
FASA PERTAMA – ADHAM BABA**

By Shawaliah Hadir 23 September 2021



Petugas kesihatan menunjukkan vaksin Covid-19 jenis Pfizer BioNTech kepada pelajar sekolah sebelum diberi suntikan sempena Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Remaja di SMK Putrajaya. Foto HAZROL ZAINAL, 20 SEPTEMBER 2021.

KUALA LUMPUR – Sebanyak RM20 juta diperlukan untuk membangunkan vaksin Covid-19 fasa pertama pada 2022.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, pembangunan vaksin itu memerlukan kolaborasi pakar luar negara selain mengadaptasi teknologi baharu dalam melaksanakan kajian.

“Untuk fasa pertama pembangunan vaksin, kita meminta peruntukan awal RM20 juta pada 2022. Untuk peringkat awal kerana kita akan bangunkan vaksin mempunyai

platform teknologi baharu," katanya menjawab soalan tambahan daripada Ahli Parlimen Kepong, Lim Lip Eng pada persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Terdahulu, Lip Eng mempertikaikan keperluan untuk membangunkan vaksin Covid-19 sekiranya negara boleh menerima bekalan dari negara luar.

Mengulas lanjut beliau berkata, pembangunan vaksin perlu untuk memastikan negara mempunyai kesediaan terhadap kepakaran berhadapan dengan wabak ini pada masa depan.

"Kita akui kita telah terima bekalan dari Amerika Syarikat dan telah sampai sumbangan ini menerusi diplomasi Covid-19. Kita kena mulakan industri pembangunan.

"Kita perlu bina satu kerangka untuk vaksin di negara kita mungkin bukan untuk Covid-19 tetapi wabak lain, bukan untuk kita ada pakar lain tapi kita kena ada pakar untuk kita sendiri," tambahnya.

Baru-baru ini, Pengarah IMR, Dr Tahir Aris dilaporkan berkata, Malaysia melalui kerjasama Institut Kajian Perubatan (IMR) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) sedang membangunkan vaksin Covid-19.

Jelasnya, vaksin tersebut turut dibangunkan sebagai suntikan penggalak yang berkesan terhadap varian baharu.

Vaksin ini dijangka dapat dihasilkan menjelang 2024. -MalaysiaGazette